

## **TREN JUALAN BUKU-BUKU TERJEMAHAN TERBITAN IIUM PRESS 2020-2022**

### **Roosfa Hashim**

International Islamic Universiti Malaysia  
roosfa@iium.edu.my

### **Saiful Riza Radzali**

International Islamic Universiti Malaysia  
saifulriza@iium.edu.my

### **Maswa Mokhti**

International Islamic Universiti Malaysia  
maswaz@iium.edu.my

### **ABSTRAK**

*Makalah ini bertujuan mengkaji trend jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press antara tahun 2020 hingga 2022. Kesemua buku terjemahan terbitan IIUM Press dalam julat tahun tersebut dicerakinkan mengikut genre dan bahasa penterjemahan yang dilakukan. Pencerakinan juga dibuat mengikut harga jualan. Kajian ini menyimpulkan bahawa buku-buku dalam kategori buku kreatif seperti novel memperlihatkan prestasi jualan yang lebih baik berbanding buku daripada genre yang lain seperti buku ilmiah dan akademik. Karya dalam kelompok buku umum mendahului jualan buku ilmiah. Dalam aspek harga dapatlah disimpulkan bahawa harga buku juga memainkan peranan dan menjadi faktor penting bagi menentukan kelarisan sesebuah buku terjemahan.*

**Kata kunci:** Penerbitan; buku terjemahan; pemasaran buku

### **PENDAHULUAN**

IIUM Press sebuah penerbit universiti yang aktif dalam kalangan penerbit ilmiah di Malaysia. Sejak ditubuhkan dalam tahun

1980-an, IIUM Press sudah menerbitkan kira-kira tiga ribu judul buku dan keluaran jurnal ilmiah dalam pelbagai bidang dan cabang ilmu pengetahuan. Dalam setahun IIUM Press menerbitkan antara 50 hingga 70 judul buku selain 21 jurnal pelbagai bidang. Sebagai penerbit ilmiah, IIUM Press memberikan tumpuan penerbitan bukunya kepada karya asli berasaskan penyelidikan selain menerbitkan buku-buku yang diperlukan oleh pelajar dan pensyarah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti buku teks, panduan makmal, manual dan modul pengajaran.

Pada tahun 2020, bersempena dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai kota buku dunia, IIUM Press memulakan projek penerbitan buku terjemahan bagi menyokong aktiviti yang mengisi KLWBC 2020. Dengan mendapat peruntukan kewangan bagi projek ini, IIUM Press pun menerbitkan buku-buku terjemahan pelbagai genre dan bahasa. Matlamat yang ditetapkan ialah bagi menerbitkan 100 judul buku terjemahan.

Pada masa yang sama, setelah menghampiri jumlah sasaran judul yang ditetapkan, persoalan yang perlu dijawab ialah bagaimana untuk memasarkan buku-buku tersebut. Buku-buku ini diterbitkan dengan kos pengeluaran yang amat tinggi. Kos meningkat terutama apabila penerbit asal meletakkan pelbagai syarat untuk dipenuhi sebelum lesen penerbitan diserahkan. Hak untuk menerbitkan hanya diperolehi setelah semua syarat dipersetujui bersama dan kontrak dimetrai.

Sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab dalam sebuah universiti, IIUM Press mesti berusaha memasarkan semua buku tersebut. Oleh kerana buku-buku yang terbit dalam program buku terjemahan ini berbeza dari segi bahasa dan genre maka IIUM Press menggunakan strategi pemasaran yang berbeza bagi setiap judul. IIUM Press amat teliti dalam memilih judul yang bakal diterjemahkan dan melakukan penyuntingan yang rapi dalam memastikan mutu setiap buku yang diterbitkan. Namun demikian, walau sebaik mana pun sesuatu buku yang telah diterbitkan, buku itu tidak akan dapat dijual dengan baik sekiranya tidak disusuli dengan strategi pemasaran yang baik dan berkesan.

Pemasaran adalah suatu proses yang berlaku apabila individu dan kelompok tertentu mendapatkan apa yang mereka perlukan dengan menghasilkan dan saling menukarkan produk dan nilai antara satu sama lain. Demikian maksud pemasaran menurut definisi yang diberikan oleh Kotler Amstrong (1997:8). Manakala Philip Kottler (1997:8) pula berpendapat pemasaran adalah suatu proses sosial dan pengurusan yang di dalamnya terdapat individu dan kelompok mendapatkan apa yang mereka perlukan dengan menghasilkan, menawarkan dan menukarkan produk yang bernilai dengan pihak lain. Terdapat banyak buku lain yang membincangkan teknik dan kaedah pemasaran buku misalnya boleh kita baca dan rujuk di BookBub (2021) dan MasterClass (2023).

Daripada definisi di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa kegiatan pemasaran mengandungi usaha yang dimulai dengan:

- mengenal pasti keperluan pengguna yang perlu dipenuhi,
- menentukan produk yang hendak dihasilkan.
- Menentukan harga barangan yang dihasilkan yang kompetitif.
- Menentukan cara bagaimana untuk mempromosi dan menjual/memasarkan produk.

Kajian ini dilakukan dengan kefahaman bahawa IIUM Press mempunyai strategi pemasaran tertentu dalam memasarkan buku-buku yang diterbitkan. Dengan itu timbullah persoalan bagaimana promosi dilakukan dan apakah kesannya terhadap buku-buku yang dipasarkan oleh IIUM Press. Persoalan selanjutnya ialah bagaimana prestasi jualan bagi buku-buku terjemahan daripada genre yang berbeza?

## **STRATEGI PEMASARAN IIUM PRESS**

Buku-buku terbitan IIUM Press dijual sama ada dalam versi bercetak mahupun dalam versi elektronik. Bagi memasarkan buku-buku dalam projek terjemahan, IIUM Press melakukan pelbagai langkah promosi bagi mengedarkan buku-buku yang telah diterbitkan. IIUM press menjalankan promosi dalam

pelbagai bentuk sama ada secara elektronik di pentas maya mahupun secara bersemuka.

## 1/ Promosi Buku

Amalan yang biasa dalam pemasaran buku tetap dijalankan termasuklah jualan pratempahan dengan menawarkan harga potongan yang menarik. Poster pra tempahan diedarkan dalam website dan akaun media sosial IIUM Press. Promosi juga dilakukan dalam semua pentas media sosial selain menggunakan laman web IIUM Press sendiri. Bagi sesetengah buku, penterjemah juga diundang dalam sesi resensi buku bagi membincangkan tentang buku yang mereka telah terjemahkan. Selain daripada itu, buku-buku ini dijual di beberapa pesta buku peringkat negeri dan kebangsaan.


The poster is for the book 'Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid 1 & 2'. At the top, it features several logos including the IIUM Press logo, a '40' anniversary logo, and a 'LEADING THE WAY' award logo. Below these is a yellow banner with the text 'KUMPULAN CERITA RAKYAT ASIA TENGGARA' and 'JILID 1 & 2'. The main part of the poster shows two book covers: 'Kumpulan CERITA RAKYAT ASIA TENGGARA JILID 1' and 'Kumpulan CERITA RAKYAT ASIA TENGGARA JILID 2'. To the right of the covers is a red price tag that says 'Harga kombo RM 55.00 sahaja!'. Below the price tag is a QR code and the website 'bookshop.iium.edu.my'. At the bottom, there is a green button that says 'Imbas di sini!' and logos for 'Laz' and 'Shopee'. The footer contains social media handles for IIUM Press and a phone number: '+603-6421 5014 / 5018'.

Gambar 1: Poster promosi buku *Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid I dan II*


Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-19  
Penterjemahan Global untuk Kesejahteraan Sejagat



Gambar 2: Majlis Pelancaran Buku *Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid I dan II* di Pesta Buku Antarabangsa Selangor.



Gambar 4 & 5: Poster promosi dua buah buku terjemahan terbitan IUM Press



Gambar 6 dan 7: Promosi buku *The Ash of Hiroshima*

Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-19  
*Penterjemahan Global untuk Kesejahteraan Sejagat*



Gambar 8, 9 dan 10: Promosi tiga buah buku terjemahan terbitan IUM Press

## 2/ Penerbitan bersama

Satu lagi inisiatif yang digunakan oleh IUM Press ialah dengan berusaha menurunkan kos penerbitan. Apa yang dilakukan ialah dengan berkongsi sama banyak kos pengeluaran buku dengan penerbit lain, dan membahagikan buku yang telah dicetak sama banyak dengan penerbit tersebut. IUM Press menjalankan inisiatif ini bersama ITBM. Dalam kerjasama ini, ITBM memainkan peranan mendapatkan hak menerbitkan daripada penerbit asal dan menguruskan penerbitan buku sehingga terhasilnya buku dalam bentuk Camera Ready Copy (CRC).



Manakala IUM press mengambil peranan mencetak buku yang berkenaan dan mengagihkannya sama banyak dengan pihak ITBM untuk diedarkan secara berasingan oleh masing-masing penerbit. Setelah buku dicetak, setiap penerbit menerima jumlah buku yang sama dan kos penerbitan dijumlahkan dan dibahagi sama banyak.

**ITBM** **IUM Press**

**Sejarah Ringkas Falsafah**  
*Seocrates hingga Derrida*  
ISBN: 978-983-068-972-2  
Jumlah halaman: 232 halaman  
Saiz: 6' x 9'  
Penerbit: Derek Johnston  
Penerbit: ITBM-IUM Press  
Harga: **RM50.00**

**PERSOALAN BESAR MATEMATIK**  
*The Big Questions: Mathematics*  
ISBN: 978-967-460-078-5  
Jumlah halaman: 220 halaman  
Saiz: 6' x 9'  
Penerbit: Tony Cilly  
Penerbit: ITBM-IUM Press  
Harga: **RM60.00**

**PERSOALAN BESAR FIZIK**  
*The Big Questions: Physics*  
ISBN: 978-967-460-312-0  
Jumlah halaman: 227 halaman  
Saiz: 6' x 9'  
Penerbit: Michael Brooks  
Penerbit: ITBM-IUM Press  
Harga: **RM55.00**

**PERSOALAN BESAR EVOLUSI**  
*The Big Questions: Evolution*  
ISBN: 978-967-460-259-8  
Jumlah halaman: 219 halaman  
Saiz: 6' x 9'  
Penerbit: Francisco J. Ayala  
Penerbit: ITBM-IUM Press  
Harga: **RM55.00**

**OKSIDENTALISME**  
*Sejarah Ringkas Fahaman Anti-Barat*  
*Oxidationism: A Short History of Anti-Westernism*  
ISBN: 978-967-460-678-7  
Jumlah halaman: 133 halaman  
Saiz: 6' x 9'  
Penerbit: Ian Buruma & Avishai Margalit  
Penerbit: ITBM-IUM Press  
Harga: **RM45.00**

bookshop.iium.edu.my  
iiumbookshop@iium.edu.my  
03-64215014

**TEMPAH SEKARANG!!!**

Untuk tempahan  
/rakantITBM  
www.itbm.com.my **019-221 9015**

Gambar 11: Buku-buku terbitan bersama juga dipromosi secara bersama antara kedua-dua penerbit, IUM Press dan ITBM.

## BUKU KREATIF / NOVEL

Buku yang termasuk dalam kelompok ini adalah yang dihasilkan daripada penulisan kreatif, iaitu sebarang penulisan yang di luar



daripada penulisan profesional, kewartawanan, akademik, ilmiah atau teknikal. Buku kreatif biasanya dikenal pasti dengan kandungan penulisannya berasaskan kepada emaginasi atau khayalan, tidak berasaskan fakta atau penyelidikan walaupun ada yang bersandarkan kepada pengalaman sebenar, dan sarat dengan unsur naratif, pembinaan watak, dan penggunaan kiasan sastra dan menggunakan bahasa yang puitis. Pengarang sesebuah buku kreatif berkemampuan menggambarkan sesuatu penceritaan dalam angan-angan dan khayalannya. Buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press yang jatuh dalam kelompok ini termasuklah *Majdulin*, *Zainab*, *Anak-anak di Lorong Kami*, *The Ashes of Hiroshima* dan *Naskhah dari Accra*. Jadual 1 membentangkan prestasi jualan buku-buku dalam kelompok ini pada masa kajian dilakukan.

Jadual 1: Jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press dalam kelompok buku kreatif

Judul	Penulis / Editor	Bahasa	Harga (RM)	Jumlah cetak	Baki stok	Jumlah jualan	Nilai jualan (RM)	(-) Diskaun 40% (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)
<i>Majdulin</i>	Mustafa Lutfi Al Manfaluti	Melayu	48.00	300	120	180	8,640.00	3,456.00	5,184.00
<i>Zainab</i>	Muhammad Husayn Haikal	Melayu	55.00	300	159	141	7,755.00	3,102.00	4,653.00
<i>Anak-anak di Lorong Kami</i>	Naquib Mahfouz	Melayu	60.00	300	43	257	15,420.00	6,168.00	9,252.00
<i>The Ashes Of Hiroshima</i>	Othman Puteh	Inggeris	25.00	1000	441	559	13,975.00	5,590.00	8,385.00
<i>Naskhah Dari Accra</i>	Paulo Coelho	Melayu	80.00	300	150	150	12,000.00	4,800.00	7,200.00

Hampir kesemua buku dalam genre ini mencatatkan jualan yang baik. Buku *Anak-anak di Lorong Kami* telah mencatatkan jualan paling tinggi mungkin kerana kandungan, mesej, tema buku ini yang baik. Atau, mungkin juga pengarang buku ini, Naquib Mahfouz memang sudah dikenali oleh para pembaca di Malaysia. Beliau seorang pengarang Mesir yang terkemuka dan memenangi Hadiah Nobel kesusasteraan. Selain daripada itu, penterjemah buku ini, Dr Adly Yaacob adalah seorang ahli akademik yang memang juga seorang penterjemah yang baik. Buku ini juga telah memenangi Anugerah Buku Malaysia bagi kategori buku terjemahan. Oleh itu faktor pengarang dan penterjemah menjadi salah satu faktor yang membantu jualan buku ini. Semasa kajian ini sedang dijalankan, buku ini sedang dicetak semula.

Sebuah lagi buku yang memperlihatkan prestasi jualan yang baik, ialah buku *The Ashes of Hiroshima* mungkin disebabkan kekuatan penceritaannya tentang pengalaman Cikgu Abdul Razak semasa peristiwa pengeboman Hiroshima di mana beliau menjadi saksi mata dalam kejadian tersebut. Selain daripada itu, penulis asal buku ini, Dr. Othman Puteh memang mendapat maklumat langsung daripada gurunya, Cikgu Abdul Razak. Oleh itu novel Debu Hiroshima terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini telah kehabisan stok dan tidak lagi diterbitkan. Penterjemah buku ini, Atikah Halim pula adalah seorang penterjemah muda yang beriltizam tinggi dalam kerja-kerja penterjemahan. Semua ini menjadi faktor mendorong jualan yang baik bagi buku ini.

## **BUKU KANAK-KANAK**

Untuk kajian ini, buku yang termasuk dalam kategori ini ialah buku sastera kanak-kanak atau sastera juvena termasuk cerita, buku, majalah dan puisi yang dicipta untuk kanak-kanak. Sastera kanak-kanak moden diklasifikasikan dalam dua cara berbeza: genre atau umur pembaca yang dimaksudkan. Terdapat banyak cerita rakyat seluruh dunia yang termasuk dalam projek buku terjemahan IIUM Press. Walau bagaimanapun semasa kajian ini dijalankan cuma dua buah buku yang baharu diterbitkan iaitu *Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid 1* dan *Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid 2*. Rekod jualan dua buku tersebut dibentangkan dalam Jadual 2.

Oleh kerana dua buku ini belum lama berada di pasaran, maka prestasi jualannya belum lagi dapat diukur dengan jelas. IIUM Press sedang mengaturkan beberapa strategi jualan bagi buku-buku cerita rakyat menjelang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023.

Jadual 2: Jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press dalam kelompok buku kanak-kanak

Judul	Penulis / Editor	Bahasa	Harga (RM)	Jumlah cetak	Baki stok	Jumlah jualan	Nilai jualan (RM)	(-) Diskaun 40% (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)
<i>Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid 1</i>	IIUM Press	Melayu	30.00	500	432	68	2,040.00	816.00	1,224.00
<i>Kumpulan Cerita Rakyat Asia Tenggara Jilid 2</i>	IIUM Press	Melayu	30.00	500	432	68	2,040.00	816.00	1,224.00

### **BUKU ILMIAH, BUKU AKADEMIK DAN BUKU UMUM BUKAN FIKSYEN**

Oleh kerana IIUM Press adalah sebuah penerbit universiti, maka fokus penerbitan penerbit ini adalah kepada buku-buku ilmiah dan buku akademik. Maka, dalam projek buku terjemahan, buku-buku ilmiah merupakan jumlah paling besar. Buku ilmiah ialah buku karya asli yang lazimnya dihasilkan melalui penyelidikan, dan diterbitkan oleh penerbit ilmiah yang berwibawa serta mengamalkan proses pewasitan manuskrip.

Buku-buku yang telah terbit dalam siri ini semasa kajian ini dijalankan ada 19 judul kesemuanya iaitu, *Merintis Perjalanan Keunggulan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*, *Pengajian Berterusan Bidang Penterjemahan dan Kejurubahasan*, *Management of Halal Food Quality*, *Memugar Semula Tradisi Intelektual di Alam Melayu*, *Pendekatan Mudah Belajar Ilmu Mustalah Hadis*, *Oksidentalisme: Sejarah Ringkas Faham Anti-Barat*, *Persoalan Besar Evolusi*, *Persoalan Besar Fizik*, *Persoalan Besar Matematik*, *Sejarah Ringkas Falsafah: Socrates hingga Derrida*, *Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia*, *Pelestarian Cepak Sumber Daya Alam*, *Mitos dalam Penubuhan Israel Moden*, *Kepemimpinan Tanpa Sempadan Strategi berkesan daripada Pemimpin Terbaik Dunia*, *50 Idea Digital yang Patut Anda Ketahui*, *Sains untuk Manusia (Japanese Version)*, *Dilema Ahli Psikologi Islam*, *Ateisme dan Islam: Satu Wacana Kontemporer* dan *Tiknulujiyya al-Ma'lumat wa al-Ittisalat min Manzur Islami*. Prestasi jualan buku-buku tersebut dibentangkan dalam Jadual 3.

Buku ilmiah lazimnya mempunyai jumlah pembaca yang amat kecil dan terbatas. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah penerbit ilmiah IIUM Press mengambil tanggungjawab menerbitkan buku dalam kategori ini bagi memenuhi keperluan pembaca dalam kalangan mereka yang dianggap pakar dalam bidang tertentu.

Buku paling laris dan mencatatkan jualan tertinggi ialah *Pendekatan Mudah Belajar Ilmu Mustalah Hadis*. Sungguhpun ini bukanlah sebuah buku teks, namun sebagaimana diketahui, buku yang membahaskan tentang pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis memang sesuatu yang dicari-cari oleh pembaca.

Buku-buku yang diterbitkan bersama dengan ITBM ialah *Oksidentalisme: Sejarah Ringkas Fahaman Anti-Barat, Persoalan Besar Evolusi, Persoalan Besar Fizik, Persoalan Besar Matematik, Sejarah Ringkas Falsafah: Socrates hingga Derrida, Pelestarian Cepak Sumber Daya Alam, Mitos dalam Penubuhan Israel Moden, Kepemimpinan Tanpa Sempadan Strategi berkesan daripada Pemimpin Terbaik Dunia* dan buku *50 Idea Digital yang Patut Anda Ketahui*. Buku-buku terbitan bersama ini mendapat sambutan yang baik daripada pembeli dan peminat buku terjemahan. Bahkan, buku *Sejarah Ringkas Falsafah: Socrates hingga Derrida* kehabisan stok tidak lama selepas diterbitkan.

Buku *Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia* juga memperlihatkan prestasi jualan yang agak baik sungguhpun dijual pada harga yang agak tinggi memandangkan buku asalnya diterbitkan juga oleh IIUM Press. Ini menunjukkan harga buku yang kompetitif bukanlah faktor utama dalam penjualan buku. Dalam hal buku *Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia* ini, judul dan topik buku ini memang sesuatu yang ada permintaan dalam pasaran. Hal yang sama berlaku dengan buku *Pengajian Berterusan Bidang Penterjemahan dan Kejurubahasan* yang mencatatkan nilai jualan yang tinggi sedangkan harga jualannya di pasaran agak tinggi iaitu RM180. Oleh hal yang demikian, IIUM Press telah melihat pelbagai aspek dalam menetapkan harga buku dan dilanjutkan dengan pelbagai aktiviti promosi dan strategi pemasaran bagi menentukan jualan buku yang baik bagi setiap judul yang diterbitkan dalam program buku terjemahan. Walau bagaimanapun, dapat dilihat beberapa buku dalam siri buku

Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-19  
Penterjemahan Global untuk Kesejahteraan Sejahtera

terjemahan ini yang perlu dikaji dan dilihat kembali harga jualannya.

Jadual 3: Jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press dalam kelompok buku ilmiah / akademik

Judul	Penulis /Editor	Bahasa	Harga (RM)	Jumlah cetak	Baki stok	Jumlah jualan	Nilai jualan (RM)	(-) Diskaun 40% (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)
<i>Merintis Perjalanan Keunggulan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia</i>	Dzulkifli Abdul Razak	Melayu	72.00	300	152	148	10,656.00	4,262.40	6,393.60
<i>Pengajian Berterusan Bidang Penterjemahan dan Kejurubahasan</i>	John Kearns	Melayu	180.00	300	195	105	18,900.00	7,560.00	11,340.00
<i>Management Of Halal Food Quality</i>	Norazilawati MdDahlal	Inggeris	30.00	1000	905	95	2,850.00	1,140.00	1,710.00
<i>Memugar Semula Tradisi Intelektual di Alam Melayu</i>	Rosnani Hashim	Melayu	80.00	300	113	187	14,960.00	5,984.00	8,976.00
<i>Pendekatan Mudah Belajar Ilmu Mustalah Hadis</i>	Mahmud al-Tahhan	Melayu	70.00	300	5	295	20,650.00	8,260.00	12,390.00
<i>Oksidentalisme: Sejarah Ringkas Faham Anti-Barat</i>	Ian Buruma & Avishai Margalit	Melayu	45.00	250	123	127	5,715.00	2,286.00	3,429.00
<i>Persolaan Besar Evolusi</i>	Francisco J. Ayala	Melayu	55.00	250	148	102	5,610.00	2,244.00	3,366.00
<i>Persolaan Besar Fizik</i>	Michael Brooks	Melayu	55.00	250	124	126	6,930.00	2,772.00	4,158.00
<i>Persolaan Besar Matematik</i>	Tony Crilly	Melayu	60.00	250	155	95	5,700.00	2,280.00	3,420.00
<i>Sejarah Ringkas Falsafah: Socrates hingga Derrida</i>	Derek Johnston	Melayu	50.00	250	0	250	12,500.00	5,000.00	7,500.00
<i>Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia</i>	Daleeleer Kaur Randawar & Najibah Mohd Zin	Melayu	95.00	300	156	144	13,680.00	5,472.00	8,208.00
<i>Pelestarian Cepak Sumber Daya Alam</i>	Patrick Dixon & Johan Gorecki	Melayu	50.00	250	198	52	2,600.00	1,040.00	1,560.00
<i>Mitos dalam Penubuhan Israel Moden</i>	Roger Garaudy	Melayu	60.00	250	185	65	3,900.00	1,560.00	2,340.00
<i>Kepemimpinan Tanpa Sempadan Strategi berkesan daripada Pemimpin Terbaik Dunia</i>	Ed Cohen	Melayu	60.00	250	203	47	2,820.00	1,128.00	1,692.00
<i>50 Idea Digital yang Patut Anda Ketahui</i>	Tom Chatfield	Melayu	50.00	250	216	34	1,700.00	680.00	1,020.00
<i>Sains untuk Manusia (edisi bahasa Jepun)</i>	Dzulkifli Abdul Razak	Jepun	120.00	100	72	28	3,360.00	1,344.00	2,016.00
<i>Dilema Ahli Psikologi Islam</i>	Malik Badri	Melayu	35.00	500	383	117	4,095.00	1,638.00	2,457.00
<i>Ateisme dan Islam: Satu Wacana</i>	IIUM Press	Indonesia	70.00	300	296	4	280.00	112.00	168.00

<i>Kontemporer</i>									
<i>Tiknulujjyya al-Ma'lumat wa al-Ittisalatmin Manzur Islami</i>	IIUM Press	Arab	100.00	100	80	20	2,000.00	800.00	1,200.00

## BUKU BIOGRAFI DAN MEMOIR

Buku tentang kisah kehidupan tokoh terkemuka dunia juga termasuk dalam program buku terjemahan IIUM Press. Buku dalam genre ini memang menjadi salah satu kelompok buku yang popular dalam kalangan pembaca di negara ini kerana pengalaman, tribulasi perjuangan dan jerih payah kehidupan tokoh yang dibukukan dapat menjadi teladan dan pengajaran kepada pembaca.

Terdapat dua buah judul terjemahan dalam kategori biografi dan memoir. Buku tersebut ialah *Biografi Ho Chi Minh* yang asalnya terbit dalam bahasa Vietnam. Buku ini kemudian terbit dalam versi bahasa Inggeris di Vietnam dan digunakan oleh IIUM Press untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Buku kedua dalam kategori ini ialah buku *Memoir Sayyid Qutb Budak Kampung* yang pada asalnya diterbitkan dalam bahasa Arab. Buku ini kemudiannya terbit dalam bahasa Inggeris. IIUM Press menggunakan buku versi asal dalam bahasa Arab untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Memang diakui kedua-dua buku ini melibatkan kos penerbitan yang tinggi sehingga menyebabkan harganya kurang kompetitif iaitu RM80. Walau bagaimanapun, buku *Biografi Ho Chi Minh* telah mencatatkan jualan yang agak baik juga. Bagi buku *Memoir Sayyid Qutb Budak Kampung*, IIUM Press telah merancang strategi pemasaran lain yang akan dapat meningkatkan jumlah jualan buku ini.

Jadual 4: Jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press dalam kelompok buku biografi dan memoir

Judul	Penulis /Editor	Bahasa	Harga (RM)	Jumlah cetak	Baki stok	Jumlah jualan	Nilai jualan (RM)	(-) Diskaun 40% (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)
<i>Biografi Ho Chi Minh</i>	IIUM Press Translation	Melayu	80.00	300	106	194	15,520.00	6,208.00	9,312.00
<i>Memoir Sayyid Qutb Budak Kampung</i>	IIUM Press	Melayu	80.00	300	288	12	960.00	384.00	576.00

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah membentangkan beberapa strategi pemasaran tertentu yang dilakukan oleh IIUM Press dalam memasarkan buku-buku terjemahan yang diterbitkan. Daripada pembentangan hasil jualan, dapat dilihat tren jualan buku-buku terjemahan terbitan IIUM Press. Sebahagian buku terjemahan yang diterbitkan telah memperlihatkan tren dan prestasi jualan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga buku-buku yang kurang mendapat sambutan sungguhpun promosi dan aktiviti pemasaran dijalankan dengan giat. Pada keseluruhannya buku-buku dalam genre genre yang umum dan buku kreatif memperlihatkan jualan yang terbaik sungguhpun dijual pada harga yang agak tinggi. Oleh itu selain harga buku yang kompetitif, beberapa faktor lain juga perlu diambil kira dalam penjualan dan pemasaran buku-buku terjemahan.

## **RUJUKAN**

- BookBuk. 2021. The Ultimate Guide to Book Marketing  
<https://insights.bookbub.com/ultimate-guide-book-marketing/>
- IIUM Press. 2022. *Katalog 2023*. Gombak: IIUM Press.
- Kotler, Philip dan Gary Armstrong. 1997. *Dasar-dasar Pemasaran*. Jakarta: Prenhallindo.
- Kotler, Philip & Keller. 2007. *Manajemen pemasaran*. Jakarta: Indeks.
- Kotler, Keller. 2009. *Manajemen Pemasaran*. Jakarta: Erlangga.
- MasterClass. 2023. How to Market a Book: 7 Book Marketing Strategies. <https://www.masterclass.com/articles/how-to-market-a-book>